

Headline	Tokio Marine anjur aktiviti tanam pokok bakau		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Aug 2015	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Niaga	Page No	52
ArticleSize	125 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,769		



## Tokio Marine anjur aktiviti tanam pokok bakau

**TANGGUNGJAWAB.** Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. (Tokio Marine) telah bekerjasama dengan dengan Persatuan Pencita Alam Malaysia dengan menjalankan Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporatnya melalui aktiviti pemulihan penanaman bakau di pantai Bagan Lalang, Selangor baru-baru ini.

Syarikat telah mengetuai projek penanaman bakau sejak tahun 1999 dan sehingga bulan Mac tahun lalu sebanyak 8,400 hektar pokok bakau telah berjaya ditanam di sembilan buah negara termasuk Asia Tenggara, Asia Selatan dan Fiji.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine, Yoshiaki

Okabe berkata, syarikat berhasrat untuk melaksanakan projek berkenaan selama tempoh 100 tahun demi melindungi alam sekitar dan bumi.

Kakitangan syarikat dan ahli agensi telah bekerjasama menanam pokok bakau itu dan mereka turut mempelajari teknik-teknik menanam pokok bakau.

Cara penanamannya bukan mudah kerana jangka hayat tumbuhan itu bergantung kepada kedalaman lubang yang digali dan betapa kukuhnya batang buluh yang diikat untuk menyokong pokok bakau yang sentiasa dipukul ombak.



SEBAHAGIAN daripada kakitangan Tokio Marine yang menanam pokok bakau di Bagan Lalang, Selangor baru-baru ini.